

710/07/11-49MST

CNS1375

R GB 10-07 00180 BC370

aab

Mahathir - Teknologi

TEKNOLOGI BARU PENTING BAGI MALAYSIA, KATA MAHATHIR

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

St. NAZAIRE (PERANCIS), 10 Julai (Bernama) -- Usaha Malaysia memperoleh teknologi baru dan canggih menjadi sia-sia jika rakyat tidak berminat untuk mempelajarinya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia juga akan menjejaskan kemajuan negara dan melambatkan proses ke arah menjadikan masyarakat Malaysia sebagai bangsa yang progresif lagi dihormati, kata beliau.

Perdana Menteri memberitahu persidangan akhbar pada akhir lawatan rasmi empat harinya ke Perancis bahawa untuk memungkinkan pemindahan teknologi, ia harus membabitkan dua pihak -- pihak yang menawarkan teknologi dan pihak yang menerima tawaran teknologi itu.

Walaupun kita berkali-kali menegaskan bahawa masyarakat maju harus memindahkan teknologinya kepada kita, pemindahan itu tidak akan menjadi kenyataan jika rakyat kita tidak menaruh minat kepadanya," kata beliau.

Dr Mahathir memenuhi dua hari terakhir lawatannya dengan menghadiri taklimat dan melawat kilang-kilang industri berteknologi tinggi seperti kilang Airbus factory dan kilang Aerospatiale, di Toulouse dan limbungan kapal Perancis, Chantiers de Atlantique, di sini. -- Lagi

710/07/11-50MST

CNS1376

R GB 10-07 00173 BC371

aab

Mahathir - Teknologi 2 St Nazaire

Dr Mahathir yang nampaknya tidak berpuas hati dengan kemajuan sekarang berhubung dengan pemindahan teknologi ke negara ini berkata, pada umumnya, rakyat Malaysia kurang berminat kepada teknologi baru. Oleh kerana kurang minat, mereka tidak akan berusaha untuk memperolehinya.

"Tiada apa yang sukar atau ajaib mengenai teknologi ini. Jika kita mempunyai minat yang mendalam dan berusaha untuk mendapatkannya, kita mampu memperolehinya. Jika kita berusaha dengan gigih, tidak mustahil kita memperoleh teknologi bagi membina kapal angkasa atau roket ke bulan," kata beliau.

Ketika ditanya siapakah harus menggerakkan usaha ke arah ini, Perdana Menteri berkata semua pihak termasuk pekerja, kakitangan awam, usahawan dan kerajaan harus memainkan peranan masing-masing.

Mengenai cadangan bahawa mungkin mudah bercakap mengenai perkara tu daripada melaksanakannya memandangkan ia membabitkan kepakaran dan modal yang besar, Perdana Menteri berkata kenyataan seumpama itu cuma alasan untuk tidak melaksanakannya.

Beliau berkata wang atau modal tidak harus menjadi masalah kerana sesetengah teknologi boleh diperolehi dengan kos yang murah. -- Lagi

710/07/11-56MST

CNS1383

U GB 10-07 00175 BC372

aab

Mahathir - Teknologi 3 St Nazaire

"Mereka yang mampu kepada teknologi yang mahal dan lebih canggih boleh melabur dalam teknologi berkenaan tetapi mereka yang tidak mempunyai modal yang besar boleh melabur dalam teknologi membabitkan kos yang murah," kata beliau.

Mengenai hail lawatannya ke Perancis, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan lawatannya. Pada umumnya lawatan itu telah berhasil dalam konteks meningkatkan hubungan dua hala dan juga meningkatkan lagi hubungan ekonomi dengan Perancis.

Dr Mahathir berkata, perbincangannya dengan para pemimpin, perniagaan dan usahawan Perancis, jelas menunjukkan bahawa peluang bagi memperluaskan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara terbuka luas.

Perdana Menteri juga berkata bahawa kerajaan Perancis bersetuju memansuhkan keperluan visa bagi rakyat Malaysia yang berhasrat untuk melawat Perancis.

Tarikh pelaksanaannya akan ditentukan kemudian, kata beliau sambil menasihatkan rakyat Malaysia tidak menyalahgunakan kemudahan itu dengan terlibat dalam kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang seperti tinggal melebihi tempoh dan kegiatan lain.

Beliau tidak mahu apa yang sekarang berlaku di Jepun berlaku di sini kemudian. -- Lagi

10/07/12-11MST

CNS1391

U GB 10-07 00183 BC373

aab

Mahathir - Teknologi 4 (akhir) St Nazaire

Jika ini terjadi, ia akan menimbulkan banyak masalah sambil menarik perhatian kepada kes rakyat Malaysia menghadapi masalah di Jepun kerana bekerja di negara itu secara haram atau terlibat dalam kegiatan maksiat.

Akibatnya, pihak berkuasa Jepun terpaksa memeriksa semua pelawat walaupun pelawat sebenarnya.

Dr Mahathir yang diiringi oleh isteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali dan beberapa Menteri Kabinet dan pegawai kanan, juga menemui Presiden Perancis, Francois Mitterrand dan Perdana Menteri Edouard Balladur.

Semasa lawatan, beliau juga menyaksikan pemeteraian beberapa memorandum persefahaman antara kedua-dua negara.

Satu daripada memorandum persefahaman itu merintis jalan bagi peningkatan hubungan antara syarikat negara-negara berkenaan di negara ketiga.

Ia bertujuan untuk meningkatkan dan memperkukuhkan kerjasama yang sedia terjalin antara Malaysia dan Perancis bukan sahaja pada peringkat pegawai tetapi juga di kalangan sektor swasta kedua-dua negara terutama ke arah pemupukan dan pelaksanaan projek-projek usahasama.

Kerjasama itu akan menggabungkan teknologi dan kepakaran Perancis dengan industri Malaysia di negara-negara ketiga terutama di Selatan. --

Bername

ARS MGN FAZ